

LAWATAN RASMI NAIB CANSELOR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA KE PUSAT PEMINDAHAN ILMU TORAY-USM TAHUN 2017

GELUGOR, 14 Mac 2017- Yang Berbahagia. Naib Canselor (YBhg. NC) USM yang ketujuh, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail FASc telah menghadiri satu lawatan rasmi dan kunjungan hormat pertama ke pejabat-pejabat di Bangunan Pusat Pemindahan Ilmu TORAY-USM selepas dilantik sebagai NC USM pada penghujung tahun 2016. Lawatan kerja rasmi yang berlangsung pada jam 4.30 petang hingga 5.30 petang tersebut juga telah dihadiri oleh pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di USM.



Lawatan rasmi YBhg. NC diiringi oleh Profesor Haslan Abu Hassan, Pengarah Pusat Pemindahan Ilmu TORAY-USM bersama pegawainya bertujuan mendekati dan memahami dengan lebih dekat dan mendalam setiap pusat tanggungjawab yang beroperasi di bangunan tersebut. Pelbagai pandangan dan nasihat turut sama dilontarkan oleh beliau kepada semua Pengarah dan Ketua di setiap pusat tanggungjawab yang beroperasi di bangunan tersebut.



CETREE merupakan destinasi pusat tanggungjawab yang pertama dalam sesi lawatan kerja oleh YBhg. NC pada hari tersebut. Prof. Madya Dr. Mohd. Wira Mohd. Shafiei, Pengarah CETREE telah mengiringi dan memberikan maklumat serta penerangan ringkas berkaitan, aktiviti, seminar serta program yang sedang dan telah dijalankan CETREE kepada USM dan negara.



Terkini